

07/02/2003

Arahan hentikan kerja bukan bermakna Pahang tolak pelaburan

KUANTAN: Arahan berhenti kerja serta-merta yang dikenakan kepada syarikat Deng Seng Ent Sdn Bhd, yang menjalankan kerja merata tanah di Blue Valley, Cameron Highlands, bukan bermakna kerajaan negeri tidak mahu pelabur melabur di negeri ini.

Sebaliknya, tindakan tegas itu perlu dilakukan terhadap syarikat yang hanya memikirkan keuntungan tanpa mahu mengambil kira kepentingan menjaga alam sekitar.

Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob, berkata kes itu menjadi pengajaran dan amaran kepada syarikat lain supaya tidak melakukan perkara yang sama pada masa depan.

Katanya, siasatan yang dilakukan terhadap Deng Seng mendapati syarikat itu memotong tanah di situ sehingga merosakkan konturnya dalam usaha memaksimumkan kawasan bagi penanaman tomato.

"Tindakan itu bagi membolehkan Deng Seng mengaut keuntungan dalam usahanya memenuhi permintaan negara pengimport sayuran itu tetapi langkah itu juga turut merosakkan alam sekitar, selain menjejaskan bekalan air.

"Kita perlu mematuhi saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang mahu alam sekitar terus dipelihara dalam proses kita membangunkan negara.

"Bagaimanapun, saya sedih kerana Deng Seng mengingkarinya dengan melakukan pemotongan dan penggondolan bukit. Nampaknya saranan itu tidak dihiraukan pemaaju yang hanya memikirkan keuntungan.

"Jadi, tindakan tegas terhadap Deng Seng memang wajar dilakukan walaupun projek itu di tanah sendiri sebagai peringatan kepada pihak lain," katanya, di sini semalam.

Deng Seng membeli tanah milik Boh Plantations seluas 24 hektar bagi menjalankan projek penanaman tomato dan setakat ini, sudah memajukan kawasan seluas 10 hektar untuk tanaman itu.

Pejabat Tanah Daerah (PTD) Cameron Highlands memberikan permit kepada Deng Seng, berkuat kuasa 21 Oktober tahun lalu hingga 21 Januari lalu dengan syarat ditetapkan.

Deng Seng kemudian memperbaharui permit itu yang membolehkan mereka meneruskan projek, berkuat kuasa 27 Januari lalu hingga 26 Februari ini tetapi kebenaran itu ditarik balik pada 30 Januari selepas didapati syarikat itu melanggar peraturan ditetapkan.

Di CAMERON HIGHLANDS, Pengarah Deng Seng, Kwang Keh Chong, merayu kerajaan menimbang semula keputusan membekukan projek mereka.

Beliau berkata, syarikatnya mengalami kerugian besar selepas diarah menghentikan kerja meratakan tanah, Sabtu lalu, malah mendakwa wang yang dibelanjakan setakat ini sudah mencapai berjuta-juta ringgit.

"Saya meminta Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menimbang semula arahan menghentikan kerja merata tanah di tanah tinggi ini.

"Syarikat benar-benar mahu meneruskan projek ini kerana tujuan kita hanyalah satu iaitu mahu membawa teknologi pertanian moden ke daerah ini," katanya ketika ditemui di kebun miliknya, di sini semalam.

Kwang berkata, syarikat mengemukakan memorandum lima muka surat kepada Dr Mahathir; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi; Menteri Pertanian, Datuk Mohd Effendi Norwawi; Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding serta Adnan.

"Satu salinan memorandum sudah dihantar kepada Dr Mahathir pagi ini (semalam) dan syarikat amat berharap ia mendapat pertimbangan Kabinet,"

katanya.

Kwang berkata, beliau kesal isu kerja meratakan tanah di projek itu digembar-gemburkan sedangkan ladang miliknya menjadi pusat rujukan bagi teknologi pertanian moden malah pernah dilawati Mohd Effendi serta anggota Kabinet Singapura.